

Air pasang besar: Pantai barat Selangor kembali biasa

UM 11/10/2006

SHAH ALAM 10 Okt. - Fenomena air pasang besar di Pantai barat Selangor yang bermula Jumaat lepas mulai kembali ke keadaan biasa pada hari kelima fenomena itu hari ini.

Tiada sebarang kawasan yang dilaporkan dinaiki air, malah perkhidmatan feri di jeti Pulau Ketam dan Pelabuhan Klang serta perkhidmatan komuter tidak terjejas.

Jurucakap Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) berkata, kawasan sekitar jeti Pulau Ketam yang sebelum ini dinaiki air pada hari ketiga dan keempat, normal hari ini.

Bagaimanapun, beberapa anggota keselamatan masih meneruskan rondaan dan kawalan sebagai langkah berjaga-jaga.

"Cuaca yang baik menyebabkan keadaan fenomena pada hari ini terkawal dan tenang dan ia jauh lebih baik dari situasi Ahad lalu apabila paras air laut naik sehingga mencapai ketinggian enam meter," katanya disini.